

15 SEP 2002

Bosnia-Penuntut (Bergambar)/I

BERUSAHA UNTUK KEAMANAN, BUKAN PEPERANGAN, SERU PENUNTUT BOSNIA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Berusahalah ke arah keamanan, bukan peperangan -- demikian mesej yang ditujukan kepada seluruh penduduk dunia oleh sekumpulan penuntut Bosnia yang sedang melawat Malaysia.

Menurut pengarah Sekolah Camil Sijaric di Sarajevo, Jabucar Faruk, Bosnia dan rakyat negara itu telah mengalami penderitaan yang amat dahsyat semasa Perang Balkan pada awal 1990-an dan berdasarkan pengalaman itu, beliau menyeru setiap orang supaya berusaha untuk menjadikan dunia ini tempat yang lebih selesa untuk dihuni.

"Hentikanlah peperangan apabila anda berkesempatan untuk melakukannya dan pupuklah persahabatan serta keamanan," kata Jabucar yang mengetuai 23 penuntut dan empat guru sekolah melawat Menara Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Sepanjang lawatan mereka selama dua minggu ke negara ini yang diatur oleh Umno, kumpulan penuntut itu akan mengunjungi pelbagai destinasi pelancongan dan berkongsi pengalaman perang mereka dengan para pelajar dari beberapa sekolah di Malaysia.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan kerajaan Malaysia atas bantuan yang dihulurkan kepada negaranya, Faruk berkata hanya melalui keamanan dan jalinan persahabatan sahajalah generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih bahagia.

"Kami mengalami perang yang panjang dan dahsyat di Bosnia. Dalam tempoh yang menyeksakan itu, banyak kanak-kanak menjadi mangsa," katanya ketika menceritakan kisah perang di negaranya yang telah mengorbankan kira-kira 200,000 nyawa, sebahagian besarnya umat Islam, akibat tindakan pelampau Serb.

Jasna Pekic, 16, pula berkata dia kagum melihat tiga kaum utama di negara ini iaitu Melayu, Cina dan India dapat hidup dengan aman walaupun berbeza keturunan dan agama.

"Saya benci melihat tiga bangsa tidak boleh hidup di negara saya dan gembira melihat anda mampu berbuat demikian," katanya merujuk kepada hubungan rapuh yang masih wujud di kalangan puak Bosnia, Croat dan Serbs di Bosnia-Herzegovina.

Pekic berkata beliau bernasib baik kerana ibu, bapa dan saudara perempuannya terselamat daripada menjadi mangsa perang tetapi sedih kerana ramai rakan-rakannya menjadi yatim piatu.

Sementara itu, Setiausaha Kerja Umno Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor berkata sekolah itu yang musnah akibat perang Bosnia telah dibina semula dengan harga RM5 juta hasil sumbangan kerajaan dan penuntut Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah melawat sekolah berkenaan semasa beliau singgah di Bosnia selepas melakukan kunjungan rasmi ke Britain pada Oktober 2000.

-- BERNAMA

RV AZZ SP